

25 OCT 2002

Mahathir-Jerman/I

DR MAHATHIR KECEWA DENGAN AMARAN JERMAN KEPADA RAKYATNYA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa kecewanya dengan keputusan Jerman untuk menempatkan Malaysia di tempat teratas senarai "amaran bahaya" bagi rakyatnya yang datang ke sini.

Perdana Menteri berkata beliau ingin tahu apa yang membuat pihak berkuasa Jerman mengambil keputusan itu.

Beliau menasihatkan kerajaan asing yang mempunyai maklumat mengenai kemungkinan ancaman keselamatan di negara ini supaya segera menyampaikan maklumat itu kepada pihak berkuasa Malaysia.

"Adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memaklumkan kita jika mereka ada maklumat mengenai ancaman di Malaysia yang kita sendiri tidak tahu," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada nasihat keselamatan yang dipaparkan di laman web Kementerian Luar Jerman pada Rabu yang memberi amaran kepada rakyatnya supaya lebih berwaspada dan jika boleh elakkan tempat-tempat orang ramai berkumpul di negara ini.

"Memandangkan serangan penganas baru-baru ini di rantau (di Bali dan Filipina), ancaman juga meningkat di Malaysia. Berhubung perjalanan ke Malaysia, buat masa ini, langkah berwaspada tertinggi perlu," menurut laman web itu.

Ditanya mengenai impak nasihat seperti itu terhadap negara ini, Dr Mahathir berkata ia boleh menakutkan pelawat dan pelabur daripada datang ke sini dan akhirnya boleh memudaratkan ekonomi.

"Ia boleh sabotaj ekonomi jika ia tidak benar," katanya.

Ditanya apa yang boleh dilakukan oleh Malaysia untuk menangani hal itu, beliau berkata: "Kita boleh membantah."

Ditanya mengenai kecenderungan barat termasuk medianya untuk memaparkan rantau ini sebagai tidak selamat ekoran serangan bom pada 12 Okt lepas di Bali, Indonesia, Dr Mahathir berkata, tiada siapapun selamat di mana-mana sehinggakan di ibu negara sebuah negara barat terkemuka, jelas merujuk kepada Washington yang kini diancam oleh penembak curi.

Merujuk kepada pertikaian harga air Malaysia-Singapura, Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengkaji daripada segi undang-undang apakah langkah lanjut yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah itu.

"Tiap-tiap hari kita rugi," katanya tentang penjualan air oleh negara ini ke Singapura.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim semalam bahawa Malaysia boleh mewujudkan akta bekalan airnya sendiri yang akan membatalkan perjanjian dengan Singapura jika isu harga air dengan negara jiran itu masih menemui jalan buntu.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata Malaysia memang mempunyai hak untuk menaikkan atau menurunkan harga aset negara yang dijual kepada Singapura.

"Kita bagi jaminan kita akan bekalkan air kepada mereka tapi bukanlah untuk kegunaan komersial," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Malaysia mempunyai pilihan untuk menolak daripada menjual air ke republik itu.

"Kita tidak bercakap apa-apa mengenai penolakan, bukan dalam perjanjian," kata beliau.

Mengenai sama ada kerajaan akan membenarkan pengkaji dari Sri Lanka, Dr

Rohan Gunaratna untuk memberi ceramah dalam satu majlis yang dianjurkan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa di sini bulan depan, Dr Mahathir berkata: "Kita tak ada apa-apa dengan dia. Kita kaji buku dia, dia tak kata apa yang kita kata dia kata," ujar beliau.

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengeluarkan dokumen yang mengandungi carta yang menghubungkan Barisan Nasional dengan rangkaian al-Qaeda, berdasarkan maklumat yang dipetik dari buku yang ditulis Gunaratna yang bertajuk "Inside al-Qaeda: Global Network of Terror".

-- BERNAMA

MAM AFY HS HM